



Kwo dan Ketua Pegawai Eksekutif AmMetLife, Ramzi Toubassy (kanan) melihat gelagat watak Upin dan Ipin menghiburkan pesakit di Unit Onkologi Kanak-kanak, HKL, semalam. [FOTO HALIM SALLEH/BH]

Upin, Ipin ceria wad kanak-kanak

Kuala Lumpur: Seramai 40 kanak-kanak pesakit kanser yang dirawat di Unit Onkologi Kanak-kanak, Hospital Kuala Lumpur (HKL) di sini, ceria dengan kehadiran maskot Upin dan Ipin, semalam.

Lawatan mengejut anjuran Persatuan Insurans Hayat Malaysia (LIAM) itu adalah sebahagian daripada tanggungjawab sosial persatuan berkenaan.

Kanak-kanak berkenaan turut

dihiburkan dengan pelbagai aktiviti serta menerima cenderahati seperti anak patung, buku cerita dan alat tulis.

Presiden LIAM, Vincent Kwo, berkata pihaknya gembira melihat kanak-kanak berkenaan terhibur dengan kehadiran maskot Upin dan Ipin.

“Kanak-kanak itu diberi peluang untuk bermesra dan bergambar dengan Upin dan Ipin yang menjadi kegemaran mereka,” katanya.